



KAWASAN SK Sungai Terah kerap dinaiki air setiap kali hujan lebat selama dua jam di Gua Musang semalam.

SK Sungai Terah dilanda banjir 17 kali

GUA MUSANG – Sistem peparitan serta saliran yang tidak sempurna menyebabkan Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Terah dilanda banjir sebanyak 17 kali pada tahun ini setiap kali hujan lebat berterusan selama dua jam.

Terbaharu, kawasan sekolah itu dinaiki air sedalam hampir setengah meter bermula pukul 4.15 petang kelmarin dan air kembali surut pada pukul 10 malam.

Guru Besarnya, Rusnayati Zainal berkata, sesi pembelajaran murid di sekolah itu kerap terganggu dan punca utama yang dikenal pasti adalah sistem peparitan serta saliran di Kampung Sungai Terah tidak sempurna menyebabkan air mengalir ke

kawasan sekolah.

“Dalam kejadian terbaharu, sekolah itu ditenggelami air sedalam 30 sentimeter dan beberapa kelas juga dimasuki air. Kami resah memikirkan jika hujan lebat berterusan selama beberapa jam kerana kawasan sekolah itu mudah dinaiki air.

“Air hujan yang melimpah ke kawasan sekolah naik dengan mendadak dan kami tidak sempat untuk membuat persediaan bagi memindahkan barangan penting ke kawasan selamat,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Rusnayati berkata, tahun ini sahaja, sebanyak 17 kali sekolah berkenaan dilanda banjir kilat.

“Semalam merupakan kejadian paling buruk apabila hampir keseluruhan bangunan sekolah dipenuhi air.

“Bangunan sekolah yang paling teruk dilanda banjir kilat ialah kelas Pracemerlang yang turut menyebabkan berlaku kerosakan pelbagai peralatan berikutan kerap menghadapi situasi itu,” katanya.

Menurut Rusnayati lagi, sebelum ini beliau telah memohon peruntukan daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi membina longkang besar dan telah diluluskan.

Beliau berkata, pembinaan longkang itu dijadualkan dalam masa terdekat dan membabitkan kawasan sekolah sahaja.